

## **TOLERANSI SOSIO-AGAMA DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit S. Gill, Jayum A. Jawan, Zaid Ahmad, Ismi Arif Ismail,**

**Mohd Roslan Rosnon, Nur Ayuni Isa & Faridatul Aini Zambri**

**Universiti Putra Malaysia**

**(2011)**

### **Abstrak**

Kestabilan sesebuah negara bergantung kepada keharmonian agama. Namun begitu, keharmonian agama dilihat terjejas sejak kebelakangan ini dan memperlihatkan tahap hubungan antara penganut agama yang masih tidak menentu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi, sikap, kesediaan, pendapat umum, tingkah laku dan pengalaman toleransi sosio-agama. Kajian ini dijalankan di Semenanjung Malaysia. Seramai 600 orang responden yang berumur antara 18-60 tahun yang terdiri daripada 3 etnik iaitu Melayu, Cina dan India terlibat dalam kajian ini. Enam elemen toleransi sosio-agama digunakan indikator kepada toleransi sosio-agama dalam masyarakat. Bardasarkan kajian yang dijalankan ini, ia bakal mengemukakan bukti empirikal gambaran sebenar toleransi antara penganut agama di Semenanjung, Malaysia. Dapatkan kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai persepsi yang positif iaitu sebanyak 63.7%. Bagi tahap sikap, kesediaan dan pendapat umum pula masing-masing 70.4%, 75.5% dan 75.8% berada pada tahap tinggi. Seterusnya, tingkahlaku dan pengamalan bertoleransi, majoriti responden masing-masing 45.6% dan 48.0% sederhana. Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan toleransi yang baik kalangan masyarakat di negeri-negeri di Semenanjung, Malaysia.

**Kata kunci: Persepsi, Sikap, Kesediaan, Pendapat, TingkahLaku, Pengamalan, Toleransi, Sosio Agama**